

English Day Program

Tingkatkan Penggunaan Inggeris Penghuni KSA

Oleh Nur Shazelina Binti Amir

Kota Kinabalu, 23 Mac – *English Day Program* antara aktiviti yang telah diadakan bagi bantu meningkatkan lagi amalan penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar Kolej Kediaman Sri Angkasa (KSA), kata Felo Pelajar KSA, Hanirah Ramli.

Beliau berkata demikian ketika memantau perjalanan aktiviti *English Day Program* yang telah diadakan di KSA, semalam.

Tambah beliau, aktiviti ini telah dianjurkan oleh Pusat Penataraan Ilmu dan Bahasa (PPIB) dengan kerjasama dari pihak pengurusan kolej (KSA) yang melibatkan pelajar-pelajar dari kolej tersebut.

Menurut Hanirah, 25, pelajar pasca Sains Sekitaran, Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) berkata objektif yang ingin dicapai melalui program ini adalah untuk memaksimumkan pelajar berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris di luar bilik darjah.

Beliau berkata anjuran aktiviti *English Day Program* ini merupakan kesinambungan bagi aktiviti *English Language Skills Program* yang telah diadakan pada bulan Disember tahun lalu.

Hal ini disebabkan oleh penyertaan yang kurang mendapat sambutan dari pelajar terutama aktiviti *public speaking* yang mungkin disebabkan oleh tahap keyakinan diri pelajar yang rendah apabila ingin berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris di khalayak.

Namun begitu, melalui aktiviti *English Day Program* ini telah berjaya mendapat sambutan yang menggalakan daripada pelajar berbanding dengan program yang telah dijalankan pada tahun lalu.

“Dalam program ini, kami telah menyediakan aktiviti-aktiviti seperti *Treasure hunt (Running man)*, *English Zone* yang bertemakan *Healthy, Environmental Issues, Arts, Technologies, Tourism & Leisure* dan *Singing competition (talent show)*”, katanya.

“Penyertaan pelajar melalui aktiviti ini telah mendapat sambutan kerana pelajar dapat aplikasikan bahasa Inggeris dalam kumpulan masing-masing tanpa melibatkan khalayak dan tidak timbul perasaan

malu pada diri,” tambah Hanirah lagi.

Dalam pada itu katanya, melalui program *English Day Program* turut merupakan salah satu inisiatif yang dilakukan oleh pihak pengurusan kolej KSA untuk menggalakkan pembelajaran autonomi di kalangan pelajar KSA.

“Namun begitu, disebabkan bajet perbelanjaan yang tidak mencukupi telah menyebabkan kami terpaksa menghadkan kepada beberapa aktiviti sahaja walaupun mendapat sambutan yang menggalakan,” katanya.

“Saya berharap agar aktiviti seperti ini dapat diteruskan bukan sahaja di peringkat kolej kediaman tetapi dalam kelas kerana ianya (kelas) adalah masa yang sesuai untuk pelajar meningkatkan Bahasa Inggeris terutamanya dari aspek komunikasi, membaca, mendengar dan menulis”, tambahnya lagi.

Dalam pada masa yang sama, Pengetua KSA, Prof. Madya Dr. Gusni Saat turut hadir pada malam penutupan *English Day Program* bagi acara penyampaian hadiah kepada para pemenang.